



**TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PENGURUSI
YAYASAN ANGKASA
MERANGKAP
PRESIDEN ANGKASA**

**PROGRAM EDU FUN RUN 2025
DATARAN DEWAN BANDARAYA KUALA
LUMPUR
19 OKTOBER 2025 (6.45 PAGI HINGGA
10.45 PAGI)**

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi

(SALUTASI)

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T dapat kita semua berkumpul dan

menjalani aktiviti fizikal pada pagi ini melalui Program Edu Fun Run 3.0 2025 anjuran Yayasan ANGKASA membawa tema '*STRONGER STEPS, SMARTER MINDS*'

2. Sekalung penghargaan buat Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi YBhg. Dato' Seri Khairul Dzaimie Bin Daud yang sudi hadir pada hari ini bagi turut bersama-sama dalam program larian Edu Fun Run 3.0 2025. Ke kerapannya beliau hadir dalam acara yang dianjurkan oleh ANGKASA menunjukkan komitmen yang begitu tinggi terhadap usaha pembangunan masyarakat melalui koperasi baik dari segi ekonomi mahupun sosial.
3. Ucapan penghargaan turut saya panjangkan kepada Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) Selangor, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Pendidikan Malaysia,

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Rakan Muda Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serta Kelab Sukan dan Kebajikan ANGKASA (KESKA) yang turut Bersama dalam menjayakan program ini.

4. Tidak dilupakan kehadiran wakil barisan kepimpinan institusi pengajian tinggi, para pengetua dan guru, ketua-ketua koperasi, wakil pihak korporat, rakan-rakan dari badan bukan kerajaan, ibu bapa, para pelajar IPT dan pelajar sekolah yang dikasihi, para penyumbang dermawan, sukarelawan, atlet-amatur dan seluruh warga masyarakat yang hadir ke program ini.
5. Kesudian tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama kami pada pagi ini bukan sahaja menambah seri acara tetapi memberi makna yang amat besar kepada usaha kami dalam memartabatkan pembangunan

modal insan rakyat Malaysia khususnya dalam institusi koperasi.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati Dan Dikasihi

6. Yayasan ANGKASA ditubuhkan dengan tujuan murni untuk membantu golongan pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi khususnya mereka yang memerlukan pembiayaan untuk melengkapkan pengajian di institut pengajian tinggi dalam negara.
7. Sejak penubuhannya kami kekal komited menyediakan bantuan bukan sahaja dari segi kewangan tetapi juga sokongan moral dan bimbingan supaya para pelajar yang berpotensi dapat menempuh laluan pendidikan dengan lebih selesa dan penuh keyakinan.
8. Sehingga kini Yayasan ANGKASA telah menaja seramai 1898 pelajar dengan kos keseluruhan sebanyak RM

34,953,735.70 termasuklah sebahagiannya ditukarkan kepada biasiswa sebanyak RM 20,844,352.00. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak korporat dan koperasi yang telah menyumbang dengan penuh ikhlas kepada Dana Pendidikan Yayasan ANGKASA.

9. Hari ini program Edu Fun Run 3.0 2025 bukan sahaja menjadi platform aktiviti riadah yang menggalakkan gaya hidup sihat malah ianya merupakan medium pengumpulan dana bagi menambah tabungan dana pendidikan Yayasan ANGKASA bagi membantu permohonan pembiayaan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi tahun 2025.
10. Saya amat berbesar hati melihat sambutan luar biasa terhadap program Edu Fun Run 3.0 pada tahun ini. Kehadiran peserta daripada pelbagai latar belakang sama ada

warga pendidik, pelajar, anggota koperasi, mahupun masyarakat awam membuktikan bahawa inisiatif seperti ini mampu menyatukan kita semua di bawah semangat kebersamaan dan gaya hidup sihat.

11. Aktiviti sukan seperti ini perlu dijadikan amalan bermula dari bangku sekolah lagi agar generasi muda dapat membentuk disiplin diri, semangat kesukanan dan minda yang cergas seiring dengan kecemerlangan akademik.
12. Dalam masa yang sama, penglibatan aktif dalam aktiviti fizikal dapat membantu mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, darah tinggi dan sakit jantung yang semakin membimbangkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Inilah bukti bahawa program yang berteraskan pendidikan dan kesejahteraan mampu menghubungkan pelbagai lapisan

masyarakat dalam suasana yang harmoni dan positif.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati Dan Dikasihi

13. Di kesempatan ini saya ingin menyeru kepada semua pihak agar terus memberi sokongan dalam bentuk sumbangan kerana setiap sumbangan, tidak kira besar atau kecil, dapat memberi perubahan besar kepada masa depan seorang pelajar.
14. Kepada para penerima manfaat saya berharap di masa hadapan akan menyumbang semula tenaga kepada aktiviti koperasi dan terlibat dengan koperasi secara langsung bagi terus menyemarakkan aktiviti koperasi di dalam negara.
15. Akhir kata,sekali lagi saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong dan menyertai Program Edu Fun Run 3.0 2025. Sokongan tuan-

tuan dan puan-puan memberi makna yang mendalam kepada misi Yayasan ANGKASA untuk membuka lebih banyak pintu peluang pendidikan kepada anak-anak bangsa. Semoga usaha akan membawa kepada perubahan besar dalam kehidupan para pelajar yang bakal menerima manfaat dan memberi impak di atas objektif penubuhan Yayasan ANGKASA.

Sekian, terima kasih.
Wassalamualaikum
Wabarakatuh.

Warahmatullahi